

Sekalipun dibantah di peringkat cawangan dan bahagian – Mahathir

UMNO SEDIA TERIMA SEMUA MELAYU

Mn.M. 30 JUL 1989

KUALA LUMPUR 29 Julai – Majlis Tertinggi UMNO (MT) yang bersidang hari ini mengambil keputusan menerima setiap orang Melayu menjadi ahli, tanpa sebarang syarat dan tanpa mengambilkira di pihak mana mereka berada sebelum ini.

Pendirian baru ini menghapuskan apa juga rintangan yang terdapat sebelum ini yang menjadi masalah bagi setengah orang Melayu untuk menjadi ahli.

Presiden UMNO, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, Majlis Tertinggi akan meluluskan permohonan sesiapa sahaja walaupun ia dibantah pada peringkat cawangan dan bahagian.

Keputusan ini bererti permohonan Datuk Shahrir Samad untuk menganggotai semula UMNO, yang tertangguh selama ini, juga diterima.

Bercakap dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat MT yang berlangsung selama empat jam, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, keputusan ini dibuat memandangkan timbulnya pelbagai pendirian pada peringkat cawangan dan bahagian terhadap sesuatu permohonan untuk menjadi ahli.

Menurutnya, memang ada cawangan dan bahagian yang meminta Majlis Tertinggi supaya menolak atau menangguhkan sesuatu permohonan.

Bagaimanapun, tegasnya, Majlis Tertinggi, mulai sekarang, akan berpegang kepada keputusan yang dibuatnya hari ini iaitu menerima semua permohonan tanpa meninggalkan sesiapa.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, perubahan

Oleh
Aziz Ishak

ini dibuat bagi meneruskan dasar terbuka UMNO dan bagi memudahkan parti menjalankan urusannya berhubung dengan proses penerimaan ahli.

Sebelum ini terdapat kejadian di mana permohonan yang diserahkan melalui cawangan dan bahagian dikatakan 'dipengap' di situ kerana orang-orang di peringkat tersebut cuba menyekat orang-orang tertentu daripada menyertai UMNO.

Ditanya mengenai kedudukan Datuk Shahrir sendiri, Perdana Menteri berkata: "Beliau adalah anggota UMNO kerana beliau telah membuat permohonan."

Datuk Sri Dr. Mahathir menambah, jika Datuk Shahrir menarik balik permohonan itu ia adalah perkara lain "tetapi setahu saya beliau telah mengemukakan permohonan."

Mengenai laporan akhbar yang menyebut bahawa Datuk Shahrir enggan menjadi ahli UMNO-walaupun permohonannya diterima, beliau berkata:

"Kenyataan beliau (Datuk Shahrir) adalah dalam akhbar dan Majlis Tertinggi tidak mengambilkira. Apa yang kita tahu ialah beliau telah mengemukakan permohonan."

Sementara itu, Setiausaha Agung UMNO, Datuk Mohamed Rahmat yang bercakap kepada para pemberita kemudian berkata, keputusan yang diambil oleh MT itu adalah bagi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diinginkan seperti cubaan menahan dan menafikan hak orang lain untuk merebut jawatan di peringkat cawangan dan bahagian.

"Kita tidak mahu perkara ini terus menjadi masalah UMNO sesuai dengan dasar pintu terbuka UMNO untuk orang Melayu," katanya.

LIHAT MUKA 6

Terima semua Melayu

Min.M. 30 JUL 1989

Melalui dasar baru ini setiap pemohon yang kehilangan borang permohonan atau borang itu tidak sampai ke ibu pejabat parti boleh membuat permohonan terus ke ibu pejabat dengan menyertakan fotokopi borang atau resit bayaran sementara, katanya.

"MT akan meluluskan permohonan mereka jika ada bukti bahawa mereka atau individu itu telah membuat permohonan," katanya.

Datuk Mohamed juga menolak anggapan kononnya keputusan yang dibuat oleh Majlis Tertinggi hari ini bertukar politik bagi menghadapi pilihanraya kecil Tambatan 5 Ogos ini.

"Sebenarnya, perubahan ini dilakukan setelah UMNO menerima banyak aduan dan rungutan mengenai beberapa cawangan dan bahagian yang tidak menghantar borang permohonan sehingga pemohon kepada ibu pejabat seperti yang berlaku kepada Datuk Ismail Hashim dari Balik Pulau, Pulau Pinang," katanya.

Mengenai Datuk Shahrir, beliau berkata, MT masih belum menerima surat penjelasan dari anggota Parlimen Bebas itu.

Bagaimanapun dengan perubahan dasar keahlian ini, soal penjelasan dari Datuk

Shahrir mengenai tingkah lakunya sebelum ini tidak timbul lagi.

Katanya, semua permohonan akan berdasarkan dua kategori permohonan yang dikuatkuasakan bagi tahun ini sahaja iaitu mereka yang memohon sebelum 31 Mac dan selepas tarikh itu.

"Mereka yang memohon sebelum 31 Mac masih layak dan berhak bertanding dalam mesyuarat agung cawangan dan bahagian. Manakala pemohon selepas tarikh itu, boleh hadir dalam mesyuarat agung tetapi tidak dibenarkan bertanding merebut jawatan," katanya.

Sementara itu di Johor Baharu, Badan Perhubungan UMNO Negeri menyambut baik keputusan Majlis Tertinggi UMNO menerima ahli Parlimen Johor Baharu, Datuk Shahrir Abdul Samad menyertai semula parti, dengan harapan kemasukannya itu menambahkan keyakinan orang Melayu terhadap UMNO.

Setiausaha badan itu, Datuk Haji Yunus Sulaiman berkata, badan perhubungan itu sememangnya berharap ahli Parlimen tersebut akan diterima semula memandangkan jasanya terhadap UMNO.

Beliau yang juga Ketua UMNO Bahagian Johor Baharu berkata,

keputusan MT itu sangat tepat lebih-lebih lagi ketika masalah perpaduan Melayu menjadi genting berikutan pergolakan politik dalam parti.

Bagaimanapun beliau tidak dapat menentukan kedudukan Datuk Shahrir dalam persidangan UMNO bahagiannya kerana tidak pasti akan tarikh penerimaan semula ke dalam parti yang diputuskan oleh MT.

Sementara itu, Ahli Parlimen Johor Baharu, Datuk Samad berkata, beliau tidak yakin dengan tawaran Majlis Tertinggi UMNO yang menganggapnya ahli parti kerana ia dibuat Dewan Negeri kawasan Tambatan sekarang.

Katanya, MT membuat keputusan itu sama seperti yang berlaku dalam pilihanraya kecil Dewan Negeri kawasan Parit Raja dan Parlimen Ampang Jaya mengenai penyertaan semula bekas-bekas ahli UMNO.

Bercakap kepada pemberita di sini petang ini, Datuk Shahrir berkata, MT mungkin menimbangkan kedudukannya sebagai ahli majlis itu pula apabila pilihanraya kecil Dewan Negeri Teruntum berlangsung nanti.